



Profesor Madya Dr Siti Sara, Dr Hajah Lilly Suzanna dan Dayang Zalinawati semasa sidang media di Bilik Senat UNISSA, kelmarin.

Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP25/307 • Jumaat, 23 Jun 2023 / 4 Zulhijjah 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

Memperkasa pendidikan tinggi Islam

Oleh Yusrin Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 JUN – Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Persatuan Universiti-universiti Islam Asia (AIUA) akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti Islam (ICIU) 2023 sebagai platform bagi perkongsian pengalaman dan amalan terbaik institusi pengajian tinggi Islam (IPTI).

Persidangan yang akan diadakan pada 26 dan 27 Jun depan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei itu akan membawa tema 'Landskap Pendidikan Tinggi Islam Abad 21: Strategi dan Hala Tuju', menurut Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad selaku pengerusi jawatankuasa kerja (JKK) persidangan semasa sidang media di Bilik Senat UNISSA, hari ini.

Tambahnya, UNISSA sangat bersyukur kerana bertuah menjadi tuan rumah bagi persidangan yang julung-julung kalinya diadakan itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA dijangka berangkat pada hari kedua persidangan berkenaan.

Turut sama dijangka berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah, Pro Canselor UNISSA.

Profesor Madya Dr Siti Sara seterusnya berkata, objektif ICIU adalah untuk mengongsikan pengalaman

dan amalan terbaik IPTI dalam memperkasakan lagi pendidikan tinggi Islam sesuai dengan keperluan Pendidikan Abad ke-21.

Selain itu, untuk membincangkan isu-isu penting dan cabaran dalam mengekalkan kerelevanan kurikulum pengajian Islam dalam mendepani perubahan global serta mencadangkan jalan penyelesaiannya.

Persidangan ini akan menyetengahkan kertas seminar dan poster yang berkait rapat dengan skop-skop utama iaitu Kurikulum, Metodologi Pengajaran, Penilaian, e-Pembelajaran Kolaboratif, Reka Bentuk dan Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

Abad ke-21, Isu-isu dan Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 dan Persidangan ini akan menggunakan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan Arab.

Kertas Perdana akan disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned pada majlis perasmian.

Di samping itu ia turut menonjolkan tujuh pembentang ucap tamsil dari dalam dan luar negara.

Orang ramai yang berminat, pendaftaran masih lagi dibukakan sehingga 24 Jun 2023. Turut hadir semasa sidang media berkenaan ialah Timbalan Pengerusi JKK ICIU,

Dr Hajah Lilly Suzanna binti Haji Shamsu dan Setiausaha JKK ICIU, Dayang Zalinawati binti Haji Mohaimin.